



JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
(DEPARTMENT OF PRIVATE EDUCATION)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)
PARAS 1, BLOK K
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-2586900
(Telephone) 603-2583674
Faks (Fax): 603-2535463

KP(JPS)5181/01/02/(34)

31 Mac 2000

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,


**SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 3/2000:**

**Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.**

Dengan berkuatkuasanya Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) pada 31 Disember 1997, semua Pendaftar di Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Negeri akan melaksanakan peruntukan-peruntukan akta tersebut. Antara perkara yang akan dilaksanakan oleh Pendaftar ialah berkaitan dengan kuasa larangan dan kawalan pengiklanan institusi pendidikan tinggi swasta yang diperuntukkan di bawah Akta 555.

2. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan pelaksanaan Garis Panduan Pengiklanan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 555 dan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengiklanan) 1997 atau P.U. (A) 543/97.
3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).
4. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Bil. 3/2000 ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(DATUK DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Salinan kepada:

1. Y. B. Tan Sri Dato` Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y. B. Dato` Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y. B. Dato` Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y. B. Dato` Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan–Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan–Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah–Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Penasihat Undang–Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN PENGIKLANAN
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
DI BAWAH
AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996
(AKTA 555)

1. TAFSIRAN PENGIKLANAN

Bagi maksud seksyen 72 dan 73 dalam AKTA PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996 "*iklan*" ertinya apa-apa pemberitahuan atau maklumat mengenai penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta -

- (a) yang disiarkan dalam mana-mana akhbar, jurnal atau majalah atau apa-apa bentuk lain;
- (b) yang dipamerkan pada mana-mana papan iklan, papan, bumbung, dinding, paling, pagar, rangka, papan tanda, plat, kain rentang, palang, batang tiang, tonggak, tuangan dawai atau binaan, struktur atau rekaan lain;
- (c) yang disampaikan melalui filem dalam pengertian Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 atau melalui alat terima radio atau alat terima televisyen dalam pengertian Peraturan-Peraturan Telekom (Alat Terima Televisyen) 1964; atau
- (d) yang disampaikan melalui cara lain, secara lisan atau tulisan dan sama ada daripada bentuk yang sama atau tidak sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (c)

2. PROSEDUR PENGIKLANAN

2.1. Sesebuah institusi pendidikan tinggi swasta hanya boleh membuat pengiklanan apabila :

2.1.1. Sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang telah **diluluskan** penubuhannya oleh Kementerian Pendidikan. Iklan tersebut hendaklah mengandungi:

- (a) nama, alamat dan nombor telefon institusi seperti yang diluluskan;
- (b) nombor rujukan KPM bagi penubuhan institusi, [contoh : KP(JPS)5195/IPTS/...(...)] ; dan
- (c) maklumat kursus seperti yang diluluskan.

2.2. Iklan sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah mengandungi

- (a) maklumat seperti 2.1.1(a), 2.1.1(b), 2.1.1.(c); dan
- (b) nombor pendaftaran institusi.

2.3. Tiap-tiap iklan yang dikeluarkan oleh sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta dalam akhbar atau sebarang media lain hendaklah mengutamakan Bahasa Kebangsaan dan mematuhi syarat-syarat pihak Berkuasa Tempatan.

2.4. Tiap-tiap iklan yang dikeluarkan oleh sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang mengandungi logo atau sebarang maklumat mengenai institusi pendidikan tinggi luar negara hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. REKOD PENGIKLANAN

3.1. Satu salinan iklan yang disiarkan hendaklah dihantar kepada Jabatan Pendidikan Swasta.

4. NOTIS ARAHAN PENGIKLANAN

4.1. Sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang menerima Notis Arahan Pengiklanan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dinyatakan dalam notis itu dengan serta merta.

4.2. Sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang menerima Notis Arahan Pengiklanan hendaklah menghantar akuan penerimaan Notis Arahan Pengiklanan serta menyatakan tindakan yang diambil dalam tempoh 14 (empat belas) hari dari tarikh notis itu dikeluarkan.

4.3. Surat akuan penerimaan Notis Arahan Pengiklanan hendaklah dihantar kepada alamat di mana Notis Arahan Pengiklanan dikeluarkan.

5. KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan dan penalti berhubung dengan pengiklanan adalah seperti yang tercatat mengikut peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) adalah seperti berikut:-

<i>Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Hukuman/Penalti</i>
72	Mana-mana orang yang menganjurkan institusi pendidikan tinggi swasta melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya sebelum institusi pendidikan tinggi swasta itu diluluskan penubuhannya.	Denda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
73	Sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta membuat pernyataan yang palsu, mengaburi mata, menyinggung perasaan atau mengelirukan melalui iklan.	Denda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
75	Mana-mana orang yang mempromosikan sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta dengan membuat pernyataan palsu atau mengelirukan.	Denda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
83	Mana-mana orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan pengiklanan secara berterusan.	Denda tidak melebihi 500 ringgit setiap hari selepas disabitkan kesalahan.

Catatan : Diingatkan bahawa garis panduan pengiklanan ini adalah juga digunapakai bagi institusi pendidikan tinggi swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang membuat promosi pendidikan di luar negara.